FALSAFAH DAN PENDIDIKAN DI MALAYSIA

BAB 2 KONSEP FALSAFAH

Konsep pendidikan di Malaysia boleh ditafsir daripada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), yang telah diumumkan secara rasmi pada tahun 1988.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang dinyatakan berikut akan menentukan arah haluan, asas dan sumber aspirasi kepada semua usaha dan rancangan dalam bidang pendidikan.

Matlamat

Matlamat Pendidikan Negara bertujuan melahirkan rakyat Malaysia yang sempurna dan memiliki serta menghayati ciri-ciri berikut :

Matlamat Pendidikan Negara	
01	Percaya dan patuh kepada Tuhan
02	Berilmu pengetahuan
03	berakhlak mulia
04	Bertanggungjawab kepada diri, masyarakat, agama dan negara
05	Memiliki sahsiah yang seimbang dan sepadu
06	Memupuk perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum

Selain daripada perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan seimbang, adalah diharapkan juga melalui proses pendidikan, Malaysia dapat mencapai matlamat pendidikannya, iaitu :

M*elahirkan rakyat yang bertangungjawab dan boleh memenuhi kewajibannya sebagai seorang warganegara*

M*enghasilkan rakyat yang progresif, mahir serta cekap supaya membolehkannya berupaya melaksanakan tugas secara produktif serta sempurna, demi memberikan sumbangan terhadap kemajuan dan pembangunan.*

Melahirkan rakyat yang boleh memahami dan menerima serta mengamalkan prinsip-prinsip dan cita-cita demokrasi mengikut perlembagaan

M*elahirkan rakyat yang taat setia kepada Raja dan cinta kepada Negara*

M*elahirkan rakyat yang memahami serta mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara, dan bersikap toleransi, demi wujudnya perpaduan rakyat berbilang kaum*

M*engurangkan jurang perbezaan antara kaum dengan membekalkan kemudahan-kemudahan asas pendidikan kepada golongan yang kurang berada.*

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA